

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, 3 May, 2017 11:04 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Rohizan bt. Halim
Subject: INASIS BANK RAKYAT ONLINE: PROGRAM LET'S COVER AURAT



3 MEI 2017, RABU | 6 SYAABAN 1438H



INASIS BANK RAKYAT ONLINE: Biro Kerohanian dan Sahsiah Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Inapan Siswa Bank Rakyat telah menganjurkan program *Let's Cover Aurat* yang diadakan di Kachi Mall baru-baru ini.

Pengisian program ini adalah mengedarkan *handsock* percuma kepada para pelajar perempuan di Bukit Kachi. Program ini dijalankan di Kachi Mall kerana pemberian *handsock* ini tidak terhad kepada pelajar Inasis Bank Rakyat sahaja tetapi juga melibatkan pelajar Inasis SME Bank.

Pengarah program, Siti Farhana Muhammad Razi berkata, tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kewajipan menjaga aurat bagi semua muslimah di samping untuk mengeratkan lagi ukhwah antara mereka. Selain itu, program ini juga bertujuan bagi memperkenalkan cara pemakaian hijab kepada pelajar perempuan bukan Islam.

Beliau juga berharap bahawa semua yang menerima *handsock* percuma itu dapat menggunakannya dengan baik dalam usaha untuk menjadi muslimah yang lebih baik. Program ini mendapat sambutan baik dari semua pelajar muslim dan juga bukan muslim.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH
Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.